



# كمترين سومبر ٢ اوتم دان ڨانچوڠن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

## KENYATAAN AKHBAR

MAJLIS MEMPERINGATI NUZUL AL-QURAN DAN MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA

22 MAC 2025M BERSAMAAN DENGAN 21 RAMADHAN 1446H

Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**Bandar Seri Begawan, 17 MAC 2024** – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta Jabatan-Jabatwan di bawahnya pada pagi tadi telah mengadakan Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-Anak Yatim Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan Dibawahnya bagi tahun 1446H/2025M, bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir dimajlis berkenaan ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan dibawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah disusuli dengan ceramah khas bertajuk ‘Hidupkan Ramadhan Dengan Al-Quran’ yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang, penceramah undangan dari Pusat Da’wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis diteruskan dengan acara penyampaian derma kepada anak-anak yatim seramai 53 orang yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat yang juga dibacakan oleh Yang Mulia Ustaz Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis seumpama ini merupakan salah satu daripada aktiviti-aktiviti keugamaan tahunan yang diungkayahkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya bersempena bulan Ramadhan. Disamping bagi memohon keberkatan dan mendapat ganjaran pahala yang sebanyaknya dibulan yang mubarak ini, majlis ini juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim diantara para pegawai dan kakitangan serta menunjukkan sifat keperihatinan kepada golongan-golongan anak-anak yatim di kalangan pegawai dan kakitangan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan dibawahnya.

-tamat-

Disediakan oleh:

**Jabatan Perikanan**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Bandar Seri Begawan

Negara Brunei Darussalam

21 Ramadhan 1446H

22 Mac 2025M